

PAC akan pastikan klia2 mempunyai ciri keselamatan tinggi
Malaysian Insider
13 Mac, 2014
Oleh Elizabeth Zachariah

Datuk Nur Jazlan Mohamed bersama Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Aziz Kaprawi di sidang media selepas meninjau lapangan terbang klia2. Nur Jazlan berkata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara akan memastikan klia2 dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan terkini. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berkata, pihaknya akan memastikan lapangan terbang klia2 dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi bagi mengelakkan penjenayah memasuki negara ini.

Pengerusinya Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata ia turut termasuk kelengkapan atau perisian yang berhubung dengan pangkalan data Interpol.

"PAC amat mengambil berat dan tidak akan berkompromi dengan isu keselamatan. Kami mahu melihat rekaan bangunan klia2, sama ada dibuat dengan penjenayah seperti pengganas dan penyeludupan dadah mudah menjadikan negara ini jalan keluar masuk atau tidak," katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan oleh Nur Jazlan selepas terdapat pendedahan dua individu menggunakan pasport palsu untuk menaiki pesawat MH370 yang hilang dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing minggu lalu.

Kedua-dua mereka kemudiannya dikenali sebagai warga Iran, namun menggunakan pasport palsu Austria dan Itali untuk menaiki pesawat itu.

Pesawat MH370 hilang dari radar sekitar jam 1.20 pagi, menimbulkan perdebatan sama ada dua individu berkenaan mempunyai kaitan.

Bernama juga melaporkan PAC memberi dua minggu kepada Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) bagi memberi laporan penuh berkenaan perancangan dan pelaksanaan serta kos pembinaan klia2.

Nur Jazlan berkata secara fizikal, PAC melihat pembinaan lapangan terbang itu masih mengikut seperti yang dijadualkan dan kini hampir siap sepenuhnya.

Bagaimanapun jawatankuasa itu mahu mendapatkan butiran lanjut mengenai soal perisian dan sumber manusia yang diperlukan untuk menjayakan pembukaan klia2 nanti.

Katanya kepada Bernama, PAC mengharapkan MAHB dapat memberikan keterangan mengenai kos klia2 yang telah meningkat daripada kira-kira RM1.8 bilion kepada RM4 bilion dan kelewatan hampir dua tahun agar PAC dapat membuat kesimpulan secara menyeluruh.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Aziz Kaprawi berkata kebanyakan penyewa telah mula memasuki klia2 untuk kerja-kerja pengubahsuaian.

"Ini termasuk Malindo Air yang turut menempatkan kakitangan mereka di klia2 untuk membiasakan dengan sistem," katanya kepada Bernama.

Semasa ditanya sama ada Air Asia telah melakukan perkara yang sama, Bashir Ahmad berkata, " mereka berkata akan berpindah ke sini dan mereka perlu melakukan kerja-kerja (pengubahsuaian) dan mereka amat dialu-alukan untuk berbuat demikian". – 13 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pac-akan-pastikan-klia2-mempunyai-ciri-keselamatan-tinggi>